

## BAHAGIAN A [15 MARKAH]

Jawab semuasoalan. Pilih satujawapan yang paling sesuai.

- Menentukan sistem pemerintahan adil dan saksama.
- Mengamalkan sistem raja berpelembagaan.
- Meliputi Bahagian 1-4

1. Penyataan di atasmerujuk

- A Perlembagaan
- B Raja berpelembagaan
- C Demokrasi berparlimen
- D Undang-undang persekutuan

- Meliputicatatan dokumen.
- Menjadirujukanapabila berlaku percanggahan undang-undang antaranya negeri dengan persekutuan

X

2. X dalam penyataan di atasmerujuk

- A Perlembagaan bertulis
- B Perlembagaan tidak bertulis
- C Pindaan Perlembagaan Negeri
- D Pindaan Perlembagaan Persekutuan

3. Penyataan yang

- manakah berkaitan pindaan perlembagaan?
- I Perubahan tambahan perlembagaan
  - II Perubahan undang-undang Negara dengan sokongan 2/3 orang dalam Parlimen
  - III Perubahan sekyendalam perlembagaan yang dimansuhkan
  - IV Perubahan dalam pelantikan pegawai kerajaan
- A I dan II              B I dan III
  - C II dan III            D III dan IV

4. Yang manakah menunjukkan ciri-ciri tentang Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri?

	Perlembagaan Persekutuan	Perlembagaan Negeri
A	Undang-undang Negeri yang berbeza dengan Undang-undang Persekutuan dibatalkan	Terdiridari pada 183 perkara
B	Terdiridari pada 183 perkara.	Undang-undang negeri dibuat oleh Yang di-pertua Agong
C	Perlembagaan yang dijalankan secara bertulis	Undang-undang Negeri yang berbeza dengan Undang-undang persekutuan dibatalkan
D	Terdiridari pada 183 perkara	Agama Islam merupakan agama rasmi.

5. Kandungan Perlembagaan Persekutuan Malaysia merangkumi?

- I Perkaraber kaitan kebebasan asasi
  - II Perkaraber kaitan kesihatan
  - III Perkara yang berkaitan pilihan raya
  - IV Perkara yang berkaitan cara mengatasikemalangan.
- A I dan II              B I dan III
  - C II dan III            D III dan IV

6. Penyataan yang

manakah benar tentang akta?


- I Merupakan undang-undang bertulis
  - II Undang-undang yang telah diwartakan
  - III Undang-undang yang telah digubal oleh Majlis Peguam Negara
  - IV Undang-undang yang telah diluluskan oleh Majlis Peguam Negara.
- A I dan II              B I dan IV
  - C II dan III            D III dan IV

7. Yang

manakah benar tentang fungsi parlimen?

- I Membahaskan isu semasa negara
- II Mengawal perjalanan badan kehakiman
- III Meluluskan rang undang-undang negara

- IV Menyelaraskan penguasaan undang-undang oleh badan pentadbiran  
 A I dan II      B I dan III  
 C II dan III      D III dan IV
8. Suatu rang undang-undang yang sah boleh diakui kuasa kan selepas  
 A Diluluskan oleh kabinet  
 B Disiarkan dalam warta kerajaan  
 C Diluluskan oleh Majlis Parlimen  
 D Diperkenankan oleh Yang di-Pertua Agong
- Ketertinggian Perlembagaan
9. Yang manakah berkaitan dengan pernyataan di atas?  
 I Perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi negara  
 II Perlembagaan Persekutuan perludipatuhi mana-mana Kerajaan Negeri  
 III Perlembagaan memberi kuasa mutlak kepada pemerintah untuk bertindak secara bebas  
 IV Perlembagaan Negeri mempunyaikuala muktamad terhadap seluruh laksana dan dalam negeri  
 A I dan II      B I dan IV  
 C II dan III      D III dan IV
- Bapa** – Pemastautin tetapi belum memperoleh hak kewarganegaraan.  
**Ibu** – Bukan warganegara
10. Apakah taraf kewarganegaraan anak mereka jika karakter tersebut dilahirkan di Malaysia menurut pernyataan di atas?  
 A Bukan warganegara  
 B Warganegara secara kemasukan  
 C Warganegara secara pendaftaran  
 D Warganegara melalui kuasa undang-undang
11. Yang manakah perkara yang terkandung dalam Perlembagaan Negeri?  
 I Fungsi Majlis Raja-raja  
 II Perbelanjaan Kerajaan Negeri
- III Fungsi Dewan Undangan Negeri
- IV Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara  
 A I dan II      B I dan IV  
 C II dan III      D III dan IV
- Kedudukan istimewa orang Melayu dijamin
  - Prinsip demokrasi diamalkan
  - Memastikan kedudukan sah penduduk melayu
12. Pernyataan di atas merujuk syarat yang ditetapkan oleh  
 A Dewan Rakyat  
 B Malayan Union  
 C Suruhanjaya Reid  
 D Suruhanjaya Cobbold
13. Bagi negeri Sabah dan Sarawak, pinda antara tidak boleh dibuat tanpa persetujuan Yang di-Pertua Negeri seperti  
 I Perlantikan Senator  
 II Perlantikan wakil rakyat  
 III Pemberian pingat kebesaran  
 IV Kawasan pembinaan perumahan  
 A I dan II      B II dan IV  
 C I dan III      D III dan IV
14. Yang di-Pertua Agong dilantik oleh Majlis Raja-raja untuk jangka masa  
 A 1 tahun  
 B 2 tahun  
 C 3 tahun  
 D 5 tahun
- Lambang kedaulatan**


15. X merujuk  
 A Perdana Menteri  
 B Yang di-Pertua Negeri  
 C Yang Dipertua Majlis

**BAHAGIAN B [15 MARKAH]**

Jawab semua soalan

1. Nyatakan **dua** tugas penting Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja. [2m]
  - I. Mengisyiharkan anak buah yang belum berpuasa dan menentuk tarikh hari raya puasa.
  - II. Menandatangan dan menurunkan cop Mohor Besar bagi setiap dokumen rasmi
  - III. Bertanggungjawab menyimpan minit mesyuarat majlis Raja-raja
2. Nyatakan **empat** tugas Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). [4m]

---

---

---

---

3. Senaraikan **lima** bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dalam Senarai Bersama. [5m]

---

---

---

---

4. Berikan **empat** sumber hasil Kerajaan Persekutuan. [4m]

---

---

---

---

**BAHAGIAN C [50 MARKAH]**

Pilih **dua** daripada tajuk di bawah ini, dantuliskarangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan.

1. Banyak faktor yang mengakibatkan kegiatan rasa uah semakin berleluasa di negaraini. Oleh itu, langkah-langkah perlu untuk mengatasinya. Bincangkan.
2. Kini, seni menjadipembantu pembangunan negara. Peranannya di dalam pembangunan negara adalah sangat besar kerana tanpanya negara akan rugi. Berikan pendapat anda tentang peranan seni dalam pembangunan negara.
3. Semangat patriotisme penting kepada semua warganegara di Malaysia. Oleh hal yang demikian, pelbagai cara dapat dilakukan oleh warganegara untuk menunjukkan semangat tersebut. Bincangkan.

(SKEMA JAWAPAN)

BAHAGIAN A [15 MARKAH]

Jawab semua soalan. Pilih satu jawapan yang paling sesuai.

1. Menentukan system pemerintahan adil dan saksama.
2. Mengamalkan sistem raja berpelembagaan.
3. Meliputi Bahagian 1-4

1. Penyataan di atas merujuk
  - A **Perlembagaan**
  - B Raja berpelembagaan
  - C Demokrasi berparlimen
  - D Undang-undang persekutuan

4. Meliput secara mendalam tentang undang-undang antara negeri dengan persekutuan
5. Menjadi rujukan apabila berlaku percanggahan undang-undang antara negeri dengan persekutuan

X

2. X dalam penyataan di atas merujuk
  - A **Perlembagaan bertulis**
  - B Perlembagaan tidak bertulis
  - C Pindaan Perlembagaan Negeri
  - D Pindaan Perlembagaan Persekutuan
3. Penyataan yang manakah berkaitan pindaan perlembagaan?
  - I **Perubahan tambahan perlembagaan**
  - II Perubahan undang-undang Negara dengan sokongan 2/3 orang dalam Parlimen
  - III **Perubahan sekyen dalam perlembagaan yang dimansuhkan**
  - IV Perubahan dalam pelantikan pegawai kerajaan
    - A I dan II                   **B I dan III**
    - C II dan III                 D III dan IV
4. Yang manakah menunjukkan ciri-ciri tepat tentang Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri?

	Perlembagaan Persekutuan	Perlembagaan Negeri
A	Undang-undang Negeri yang berbeza dengan Undang-undang Persekutuan dibatalkan	Terdiri daripada 183 perkara
B	Terdiri daripada 183 perkara.	Undang-undang negeri dibuat oleh Yang di-Pertua Agong
C	Perlembagaan yang dijalankan secara bertulis	Undang-undang Negeri yang berbeza dengan Undang-undang Persekutuan dibatalkan
D	<b><u>Terdiri daripada 183 perkara</u></b>	<b><u>Agama Islam merupakan agama rasmi.</u></b>

5. Kandungan Perlembagaan Persekutuan Malaysia merangkumi?
  - I **Perkara berkaitan kebebasan asasi**
  - II Perkara berkaitan kesihatan
  - III **Perkara yang berkaitan pilihan raya**
  - IV Perkara yang berkaitan cara mengatasi kemalangan.
    - A I dan II                   **B I dan III**
    - C II dan III                 D III dan IV
6. Penyataan yang manakah **benar** tentang akta?
  - I **Merupakan undang-undang bertulis**
  - II Undang-undang yang telah diwartakan
  - III Undang-undang yang telah digubal oleh Majlis Peguam Negara
  - IV **Undang-undang yang telah diluluskan oleh Majlis Peguam Negara.**

- A I dan II                   **B I dan IV**
- C II dan III                 D III dan IV

7. Yang manakah **benar** tentang fungsi parlimen?
- I Membahaskan isu semasa negara**  
**II Mengawal perjalanan badan kehakiman**  
**III Meluluskan rang undang-undang negara**  
**IV Menyelaraskan penguatkuasaan undang-undang oleh badan pentadbiran**
- A I dan II                    **B I dan III**  
C II dan III                  D III dan IV
8. Suatu rang undang-undang yang sah boleh dikuatkuasakan selepas
- A Diluluskan oleh kabinet  
**B Disiarkan dalam warta kerajaan**  
C Diluluskan oleh Majlis Parlimen  
D Diperkenankan oleh Yang di-Pertua Agong
- Ketertinggian Perlembagaan**
9. Yang manakah berkaitan penyataan di atas?
- I Perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi negara**  
**II Perlembagaan Persekutuan perlu dipatuhi mana-mana Kerajaan Negeri**  
**III Perlembagaan memberi kuasa mutlak kepada pemerintah untuk bertindak secara bebas**  
**IV Perlembagaan Negeri mempunyai kuasa muktamad terhadap pelaksanaan dalam negeri**
- A I dan II**              B I dan IV  
C II dan III                  D III dan IV
- Bapa** – Pemastautin tetap tetapi belum memperoleh hak warganegaraan.  
**Ibu** – Bukan warganegara
10. Apakah taraf kewarganegaraan anak mereka jika anak tersebut dilahirkan di Malaysia menurut pernyataan di atas?
- A Bukan warganegara  
B Warganegara secara kemasukan
- C Warganegara secara pendaftaran  
**D Warganegara melalui kuatkuasa undang-undang**
11. Yang manakah perkara yang terkandung dalam Perlembagaan Negeri?
- I Fungsi Majlis Raja-raja**  
**II Perbelanjaan Kerajaan Negeri**  
**III Fungsi Dewan Undangan Negeri**  
**IV Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara**
- A I dan II                    B I dan IV  
C II dan III                  **D III dan IV**
- A Kedudukan istimewa orang Melayu dijamin**  
**B Prinsipdemokrasidiamalkan**  
**C Memastikan kedudukan sah pen dudukmelayu**
12. Penyataan di atas merujuk syarat yang ditetapkan oleh
- A Dewan Rakyat  
B Malayan Union  
**C Suruhanjaya Reid**  
D Suruhanjaya Cobbold
13. Bagi negeri Sabah dan Sarawak, pindaan tidak boleh dibuat tanpa persetujuan Yang di-Pertua Negeri seperti
- I Perlantikan Senator**  
**II Perlantikan wakil rakyat**  
**III Pemberian pingat kebesaran**  
**IV Kawasan pembinaan perumahan**
- A I dan II                    **B II dan IV**  
C I dan III                  D III dan IV
14. Yang di-Pertua Agong dilantik oleh Majlis Raja-raja untuk jangka masa
- A 1 tahun  
B 2 tahun  
C 3 tahun  
**D 5 tahun**

**Lambang kedaulatan**



15. X merujuk

- A Perdana Menteri
- B Yang di-Pertua Negeri
- C Yang Dipertua Majlis
- D Yang di-Pertua Agong**

**BAHAGIAN B [15 MARKAH]**

Jawab semua soalan

1. Nyatakan **dua** tugas penting Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja. [2m]
  - I Mengisyiharkan anak bulan syawal sebelum berpuasa dan menentukan tarikh hari raya puasa.
  - II Menandatangani dan menurunkan cop Mohor Besar bagi setiap dokumen rasmi
  - III Bertanggungjawab menyimpan minit mesyuarat majlis Raja-raja
2. Nyatakan **empat** tugas Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). [4m]
  - I Menjalankan urusan pendaftaran pemilih dan penyemakan daftar nama pemilih
  - II Mengisi kekosongan kerusi wakil rakyat dengan menjalankan pilihan raya bagi Dewan Rakyat dan DUN serta pilihan raya kecil.
  - III Mengkaji dan menyempadankan semula bahagian pilihan raya parliment dan DUN dalam tempoh tidak kurang daripada 8 tahun.
  - IV Mendaftarkan calon-calon yang bertanding dan memastikan calon memenuhi kelayakan yang ditetapkan.
3. Senaraikan **lima** bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dalam Senarai Bersama. [5m]
  - I Kebajikan Masyarakat
  - II Biasiswa
  - III Perancangan Bandar dan luar Bandar
  - IV Kesihatan awam, kebersihan dan pencegahan penyakit
  - V Perumahan
  - VI Perparitan dan pengairan
  - VII Hiburan awam
4. Berikan **empat** sumber hasil Kerajaan Persekutuan. [4m]
  - I Duti eksport/import
  - II Cukai pendapatan
  - III Cukai harta tanah
  - IV Cukai eksais

## BAHAGIAN C [50 MARKAH]

Pilih **dua** daripada tajuk di bawah ini, dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan.

1. Banyak faktor yang mengakibatkan kegiatan rasuah semakin berleluasa di negara ini. Oleh hal yang demikian, langkah-langkah perlu diambil untuk mengatasi gejala ini. Bincangkan

### Pendahuluan

Kegiatan rasuah semakin berleluasa di Negara kita. Rasuah boleh didefinisikan sebagai memberi atau menerima sesuatu kepada atau daripada seseorang untuk mempengaruhi keputusan atau memperoleh habuan tertentu.

### Faktor-faktor berlakunya rasuah

#### I Sikap materialistik

- Keinginan hidup mewah yang melampaui kemampuan diri
- Sikap ingin kepada kekayaan supaya dipandang dan berbangga dengan kekayaan material
- Kekayaan harta benda dipandang tinggi dan hebat dalam masyarakat

#### II Kurang didikan agama

- Kurang penghayatan ilmu agama/ moral menyebabkan seseorang mudah terjebak dengan gejala rasuah
- Akhlak yang mulia dan terpuji kurang diamalkan oleh masyarakat
- Mereka kurang sedar tentang dosa dan pahala

#### III Karenah birokrasi

- Karenah birokrasi telah menyebabkan rasuah berlaku
- Urusan permohonan permit, tanah dan yang lain-lain yang rumit dan lama menyebabkan orang ramai sanggup memberi rasuah kepada pegawai yang menguruskannya.

### Langkah-langkah pencegahan rasuah

#### I Penguatkuasaan undang-undang

- Melalui penguatkuasaan undang-undang pencegahan rasuah seperti akta Pencegahan Rasuah 1997-Mengikut Seksyen 15 memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun.
- Denda lima kali nilai suapan atau RM10 ribu atau mana-mana yang lebih tinggi.

#### II Kempen kesedaran

- Kempen kesedaran tentang tanggungjawab warga yang baik untuk tidak melakukan rasuah sama ada memberi atau menerima rasuah
- Kempen-kempen dijalankan oleh kerajaan melalui media massa terutamanya media elektronik tentang keburukan rasuah kepada diri, keluarga dan Negara.

### Penutup

Semua pihak hendaklah bekerjasama dalam menangani kegiatan rassuah yang berlaku pada bila-bila masa dan tidak mengira tempat serta waktu.Pihak berkuasa hendaklah tegas dalam usaha membanteras kegiatan rasuah terutamanya dalam pekerjaan yang terdedah dengan unsur rasuah.

2. Kini, seni menjadi pembantu pembangunan negara. Peranannya di dalam pembangunan negara adalah sangat besar kerana tanpanya negara akan rugi. Berikan pendapat anda tentang peranan seni dalam pembangunan negara.

### Pendahuluan

Seni sangat penting dalam hidup manusia

Terdapat pelbagai jenis seni dalam Negara kita seperti seni halus (ciptaan puisi, lukisan, seni ukir), seni gunaan (seni bina.Ciptaan kejuruteraan), seni cetak (penerbitan dan lain-lain), seni lakon dan seni suara.

### Peranan seni

#### I Meningkatkan semangat kebangsaan

- Karya-karya yang bertemakan unsur patriotic, masalah sosioekonomi seperti kemiskinan dan permasalahan masyarakat dapat membentuk rakyat yang cinta akan Negara.
- Memainkan peranan penting dalam membangunkan ekonomi Negara
- Seni karya sastera seperti sajak, novel, cerpen dan drama yang memaparkan kisah atau isu-isu semasa dan lampau.

#### II Membentuk perwatakan masyarakat

- Seni muzik dan liriknya dapat membentuk perwatakan masyarakat yang berdisiplin
- Lagu-lagu yang dicipta mempunyai nilai-nilai murni berupaya merangsang dan memotivasi masyarakat

#### III Mengembangkan industri

- Mengembangkan industry desa di kawasan luar Bandar Negara kita
- Menyediakan peluang pekerjaan dan memberi sumbangan kepada pendapatan Negara.

#### IV Identity negara

- Seni gunaan dan seni bina atau ciptaan kejuruteraan dapat digunakan untuk menunjukkan identity Negara.

- Menghasilkan bangunan-bangunan yang unik, halus dan indah mencorakkan identity Negara.

## V Menggalakkan minat membaca

- Seni cetak seperti percetakan dan penerbitan penting dalam pembangunan Negara
- Buku-buku bermutu tinggi dapat diterbitkan
- Mengatasi masalah celik huruf dalam kalangan masyarakat

## Penutup

Seni memainkan peranan yang amat penting dalam pembangunan Negara.

3. Semangat patriotisme penting kepada semua warganegara .Oleh hal yang demikian, pelbagai cara dapat dilakukan oleh warganegara untuk menunjukkan semangat tersebut. Bincangkan

## Pendahuluan

Setiap warganegara di Negara ini perlu mempunyai semangat patriotik

Semangat ini dapat ditunjukkan dalam pelbagai cara

Malaysia perlu diberi penghormatan dan kemuliaan

## Kepentingan

### I Kesetiaan

- Menunjukkan bahawa kesetiaannya kepada Negara adalah sangat tinggi
- Menunjukkan taat setia yang tiak berbelah bagi kepada raja dan Negara
- Mendorong seseorang untuk berkorban apa jua untuk Negara sama ada nyawa atau harta
- Memberi gambaran positif kepada Negara antarabangsa

### II Kedaulatan Negara terjamin

- Kedaulatan Negara kita terjamin
- Rakyat negara ini bersatu padu
- Kautuhan perpaduan ini akan ditakuti musuh Negara
- Memastikan kedaulatan Negara Malaysia tidak tergugat
- Negara lain di serantau benua akan menghormati Malaysia
- Negara lain di serantau benua akan menghormati Malaysia.

## Cara menunjukkan semangat Patriotisme

### III Pendidikan

- Menekankan pengorbanan dan sumbangan negarawan
- Melalui mata pelajaran sejarah, pendidikan moral serta sivik dan kenegaraan
- Generasi muda dapat mengetahui jasa baik tokoh negarawan
- Semangat patriotik dalam kalangan generasi ua kepada Negara dapat ditanamkan

### IV Mengibarkan jalur gemilang

- Mengibarkan Jalur Gemilang di premis peniagaan, rumah dan di sepanjang jalan
- Dialu – alukan oleh kerajaan

- Menghiasi kenderaan dengan Jalur Gemilang
- Mengibarkan Jalur Gemilang di sepanjang jalan

V Menyertai program patriotik

- Semangat patriotik juga dapat ditunjuk dengan menyertai program patriotik
- Melibatkan diri dalam program yang dianjurkan oleh pihak kerajaan atau pihak swasta
- Penglibatan yang bersungguh-sungguh dalam program
- Generasi muda dapat merasai kepentingan kemerdekaan

Pendahuluan

- Semangat patriotik ini tidak berhenti pada bulan Ogos sahaja
- Perlu ditunjukkan pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja
- Negara kita akan menjadi maju dan sentiasa mengekalkan kedaulatan dan perpaduan